



Semua Anggota
Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA)

YBhg. Dato'/Tuan/Puan/Cik,

NOTIS PEMAKLUMAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE-9
KOPERASI PROFESIONAL PUTRAJAYA BERHAD (KOPROJAYA)

Dengan penuh hormat dan takzim, saya mendoakan kesihatan dan kesejahteraan YBhg Dato'/ Tuan/ Puan/ Cik sekeluarga serta semoga sentiasa diberikan perlindungan dan rahmat Allah SWT jua.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Ke-9 Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA) akan diadakan seperti ketetapan yang berikut:

Tarikh : 14 Disember 2024 (Sabtu)
Masa : 2.00 petang (Pendaftaran)
Tempat : Dewan Maksak Putra, Presint 14, Putrajaya
Atur cara : Seperti di Lampiran A
Kod Pakaian : *Smart Casual*

3. Agenda MAT kali ke-9 KOPROJAYA adalah seperti di Lampiran B

4. Untuk tujuan maklumbalas kehadiran mesyuarat, penamaan waris (jika ada), maklumbalas pengeluaran dividen atau labur semula saham dan cadangan usul (jika ada), YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik perlu menyemak maklumat melalui pautan yang akan dikemukakan melalui e-mel dan no. telefon bimbit yang telah didaftarkan. Maklumat mengenai MAT ini akan juga dimaklumkan melalui platform media sosial rasmi KOPROJAYA.

5. Dimaklumkan juga bahawa Elaun Kehadiran MAT akan diberikan kepada setiap anggota yang hadir secara fizikal dari awal hingga tamat mesyuarat. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kiranya YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik dapat memberi keutamaan untuk hadir dan menjayakan MAT Kali Ke-9 KOPROJAYA ini.

Kerjasama YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WADAH KERJASAMA PENJAWAT AWAM MUDA”



(KHADIJAH ISHAK)

Setiausaha KOPROJAYA

s.k. Pengerusi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan

**ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE-9
KOPERASI PROFESIONAL PUTRAJAYA BERHAD (KOPROJAYA)**

**14 DISEMBER 2024 (SABTU) | 2.00 PETANG
PUTRAJAYA**

MASA	PROGRAM
2.00 petang	: Ketibaan & Pendaftaran Anggota KOPROJAYA
2.30 petang	: Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 KOPROJAYA
4.30 petang	: Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 KOPROJAYA dijangka selesai
4.45 petang	: Ketibaan Tetamu Kehormat Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA) : Bacaan Ikrar “Nilai Kami Bersama” : Tayangan Video Korporat : Ucapan Alu-aluan oleh Encik Saiful Azhar Shaharun Pengerusi KOPROJAYA : Ucapan Perasmian oleh Tetamu Kehormat : Penyampaian Cenderamata & Cabutan Bertuah Utama : Jamuan Ringan
6.00 petang	: Bersurai

LAMPIRAN B

AGENDA MAT KALI KE-9 KOPROJAYA

1. Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat, Pencatat Minit dan pengumuman oleh Pengerusi Mesyuarat mengenai jumlah kehadiran anggota;
2. Ucapan Pengerusi Koperasi Profesional Putrajaya Berhad;
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-8 yang diadakan pada 26 November 2023;
4. Menimbang dan Meluluskan Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
5. Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Profesional Putrajaya Berhad, dan pengagihan untung bersih teraudit (jika ada);
6. Menimbang dan Meluluskan Cadangan Honorarium kepada ALK;
7. Memilih dua (2) orang Anggota Lembaga menggantikan dua (2) ALK yang tamat tempoh perkhidmatan mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi Perkara 36 iaitu:
 - i. Encik Saiful Azhar bin Shaharun; dan
 - ii. Encik Ts. Mohd Naim bin Mohd Ibrahim
8. Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Tahunan bagi Tahun Kewangan yang akan datang;
9. Meluluskan Elaun kepada ALK dan Saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik menduduki mana-mana subsidiari Koperasi, (sekiranya ada);
10. Meluluskan suatu Panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua Firma Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi;
 - a. Mohamed Awang & Co.; atau
 - b. Rejab & Associates; atau
 - c. Mana-mana firma juruaudit sekiranya dua firma juruaudit di atas tidak boleh melaksanakan audit
11. Menimbang dan Meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi;
12. Menentukan had maksimum keterhutangan (semasa RM10.0 juta);
13. Memilih satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota yang hadir dan empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Koprojaya kali ke-9.

14. Mendengar, Menimbang dan Memutuskan apa-apa cadangan atau urusan perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
15. Menimbang dan Meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi;
16. Mendengar dan Memutuskan apa-apa aduan, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Koperasi ini, yang dikemukakan oleh mana-mana anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga;
17. Menimbang dan Meluluskan apa-apa laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.
17. Penangguhan Mesyuarat.